

Malaysia bantu Program Makanan Sedunia RM3.7j

UM - 16/9/2005

NEW YORK 15 Sept. – Kerajaan Malaysia menyumbang RM3.7 juta kepada Program Makanan Sedunia (WFP) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), dengan separuh daripadanya akan disalurkan kepada Afrika.

Sumbangan AS\$1 juta itu disampaikan oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar kepada Pengarah Eksekutif WFP, James Morris dalam satu majlis sempena ulang tahun ke-60 Perhimpunan Agung PBB di sini semalam.

“Malaysia terus menyalurkan bantuan bernilai ini kepada WFP dalam operasi menyelamatkan nyawa ke seluruh dunia.

“Sumbangan derma ini amat bersejarah kerana ia bukan sahaja menandakan peringkat baru sumbangan dari Malaysia, tetapi juga mewakili komitmen penyumbang dari Asia kepada orang yang memerlukannya di Afrika,” kata Morris da-

lam satu kenyataan di sini.

Derma kerajaan Malaysia itu akan membantu program WFP di empat negara yang masih menghadapi kesan tsunami iaitu Kenya, Somalia, Sri Lanka dan Myanmar.

Malaysia turut memberi bantuan tidak ternilai semasa awal bencana tsunami dahulu apabila membuka pusat bantuan operasi udara di Lapangan Terbang Subang pada Januari 2005.

Pusat itu menjadi punca penyaluran makanan kepada mangsa-mangsa tsunami, dengan WFP sendiri membeli lebih RM200 juta makanan dari Malaysia.

Sumbangan RM3.7 juta yang diberikan itu merupakan yang terbesar dari Malaysia, yang mula menyampaikan bantuan kepada program itu sejak 1999.

Pada tahun-tahun terdahulu, Malaysia menyumbang sebanyak dua kali kepada WFP untuk

disalurkan kepada selatan Afrika yang menghadapi krisis kemanusiaan.

“Malaysia muncul sebagai rakan utama kepada WFP di rantau itu.

“Rakyat Malaysia, yang juga menderita akibat tsunami, telah menunjukkan bahawa mereka bersedia membantu rakyat di Asia dan seluruh dunia melalui pelbagai cara: tunai, barangan dan bantuan kemudahan dan kepakaran,” kata Morris.

Bantuan kepada Sri Lanka dan Myanmar adalah untuk membeli makanan, manakala di Somalia, bantuan itu akan digunakan bagi meningkatkan pemakanan wanita dan kanak-kanak sementara di Kenya pula ia akan digunakan untuk beribu-ribu pelarian Sudan dan Somalia.

“Dengan derma ini, Malaysia meletakkan dirinya berada di hadapan sebagai penyumbang utama dari rantau Asia,” kata Morris. – *Utusan*



ABDULLAH Ahmad Badawi dan rakan sejawatannya dari Britain, Tony Blair meninggalkan bilik mesyuarat selepas mengadakan perbincangan dua hala di ibu pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York, semalam.

Abdullah tiba di New York pada hari Isnin untuk menghadiri Perhimpunan Agung PBB ke-60 dan Sidang Kemuncak Dunia 2005, yang bermula semalam. – Gambar Bernama